

PERATURAN-PERATURAN PENTADBIRAN PENDAFTARAN ANAK ANGKAT

1. **Pendaftaran hanya dibenarkan** apabila **ditunjukkan surat beranak asal**.
Receipt Information of Birth/Kad Klinik tidak diterima.
2. **Ibu bapa/ibu atau bapa angkat** (dalam kes single adopting) mestilah orang yang **bermastautin di Kapit**.
3. Ibubapa angkat mesti memenuhi syarat-syarat berikut:
 - 3.1. **Berumur lebih 21 tahun** dan sekurang-kurangnya **20 tahun lebih tua** daripada kanak-kanak yang diangkat.
 - 3.2 **Waras**.
 - 3.3 **Berkeupayaan**.
4. **Kanak-kanak** daripada ibu/ibu bapa **beragama Islam tidak boleh diangkat** oleh **orang** yang **bukan beragama Islam**.
5. **Kanak-kanak perempuan tidak boleh diangkat** oleh **seorang lelaki bujang**.
6. **Seorang kanak-kanak tidak boleh diangkat dua kali oleh ibubapa angkat yang berlainan tanpa pembatalan oleh Mahkamah Tinggi bagi pengangkatan asal**.
7. Kanak-kanak **boleh diberi nama baru**. Walaubagaimanapun, **kanak-kanak Islam tidak boleh diberi nama 'bin' atau 'binti' bapa angkat**.
8. Proses mengangkat anak hendaklah **disaksikan oleh seorang saksi yang berumur tidak kurang daripada 21 tahun**.
9. **Ibu bapa angkat** yang telah **berkahwin** dikehendaki **menunjukkan sijil perkahwinan** mereka. Mereka dikehendaki **mengambil sumpah** mengenai status perkahwinan mereka **dan keinginan mereka mengangkat kanak-kanak yang berkenaan**.
10. **Kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa kandung** yang berkahwin hendaklah **memperolehi persetujuan kedua-dua ibu bapa kandungnya sebelum proses pendaftaran anak angkat dapat dilaksanakan**.
11. **Sekiranya** kanak-kanak yang hendak diangkat merupakan **anak luar nikah, ibu kandungnya hendaklah mengambil sumpah berasingan mengenai kelahiran kanak-kanak tersebut**.
12. **Permohonan mengangkat kanak-kanak yang dilahirkan di luar Malaysia tidak digalakkan** demi kepentingan kanak-kanak berkenaan. Sekiranya diangkat, kanak-kanak tersebut akan menjadi seperti orang yang tidak bernegeri. Beliau akan memiliki kad pengenalan berwarna hijau dan menghadapi masalah dari segi pendidikan dan berbagai kemudahan yang terdapat di negara ini. Sebagai 'pendatang', beliau akan dikehendaki membaharui pasportnya dari masa ke semasa. Jika pasportnya sudah luput tempoh, ibu bapa kandungnya perlu dihubungi untuk mendapatkan persetujuan membaharui pasaport tersebut sehingga kanak-kanak berkenaan mencapai umur 18 tahun.

13. **Cukai setem untuk semua surat sumpah ialah RM5.00** manakala **cukai setem untuk sijil (asal)** yang dikeluarkan ialah **RM2.00**. Setem ini hendaklah **dimatikan dengan cop Pejabat Daerah Kapit**.
14. **Borang maklumat tambahan** mengandungi **maklumat lengkap mengenai latar belakang kesemua ibu bapa kandung dan angkat**. **Hubungan antara mereka/sebab-sebab proses mengangkat anak perlu dicatatkan**.
15. Setelah **menerima surat anak angkat, ibu bapa angkat** mesti **ke Jabatan Pendaftaran Negara untuk urusan memohon surat beranak yang baru**.

***** Anak angkat yang berumur 18 ke atas perlu mendapat persetujuan daripada Pegawai Daerah, yang mana ia tertakluk kepada budi bicara beliau.**

Checklist:

Kehadiran wajib :

i)	Bapa kandung
ii)	Ibu kandung
iii)	Bapa angkat
iv)	Ibu angkat
v)	Saksi – Tuai Rumah/Penghulu/Keluarga Terdekat

1. Surat Lahir asal kanak-kanak & salinan fotostat.
2. Salinan Kad Pengenalan :-
 - i) Bapa kandung
 - ii) Ibu kandung
 - iii) Bapa angkat
 - iv) Ibu angkat
 - v) Saksi
3. Salinan Surat Nikah Ibu Bapa Angkat.
4. Surat Sumpah (Statutory Declaration)
 - i) Kedua-dua ibu bapa angkat/ibu atau bapa angkat.
 - ii) Ibu kandung yang melahirkan anak di luar nikah (jika berkaitan).
5. Setem hasil :-
 - i) RM 5.00 untuk surat sumpah 4 (i).
 - ii) RM 2.00 untuk sijil lahir (asal)
 - iii) RM 5.00 untuk surat akuan (jika perkara 4 (ii) berkaitan).
6. Borang maklumat tambahan (3 salinan).
7. Salinan Sijil Anak Angkat (3 salinan – ditandatangani)
8. Surat Sarak/Cerai (jika berkaitan)